



## STATUS TINDAKAN BAGI ISU YANG DILAPORKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

- Kedudukan Setakat  
30 September 2023



# **STATUS TINDAKAN BAGI ISU YANG DILAPORKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI PAHANG**

---

- KEDUDUKAN SETAKAT 30 SEPTEMBER 2023

---

- 1.1. Jabatan Audit Negara (JAN) komited membantu jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri dengan memantau kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Sistem Auditor General's Dashboard (AGD) telah dibangunkan bagi memaparkan isu dan status tindakan terkini terhadap isu yang dilaporkan. Kaedah ini berjaya membantu jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri untuk menyalurkan maklumat dengan cepat dan pantas mengenai tindakan yang telah/sedang diambil melalui pengemaskinian maklum balas secara dalam talian. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu LKAN serta tindakan yang diambil untuk makluman semua pihak berkepentingan yang berkaitan dan pihak awam secara keseluruhannya.
- 1.2. Sejak tahun 2012, status tindakan bagi isu LKAN dipaparkan melalui sistem AGD. Paparan secara dalam talian ini menjadi pencetus bagi mempercepatkan penyelesaian isu Audit yang dibangkitkan dalam LKAN oleh jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri. Ia sekaligus dapat memperbaiki prestasi tadbir urus penyampaian sektor awam secara keseluruhannya.
- 1.3. Portal AGD juga boleh diakses oleh semua pihak termasuk orang awam untuk mengetahui **status tindakan bagi isu LKAN secara masa nyata (real time)**. Setiap isu dikategorikan mengikut tiga warna ikon (traffic light icons) iaitu **Merah (tiada maklum balas atau maklum balas tidak menjawab isu yang dibangkitkan)**, **Kuning (dalam tindakan)** dan **Hijau (tindakan telah selesai diambil)**. Maklumat mengenai status tindakan terhadap isu yang dipaparkan juga boleh digunakan sebagai panduan kepada jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri untuk mengelakkan kelemahan yang sama berulang.
- 1.4. Susulan yang dilaksanakan adalah berdasarkan piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organisation of Supreme Audit

Institutions (INTOSAI). Perenggan 42, International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 300 menyatakan "*Auditors should follow up previous audit findings and recommendations wherever appropriate. Follow-up should be reported appropriately in order to provide feedback to the legislature together, if possible, with the conclusions and impacts of all relevant corrective actions*".

1.5. Pelaporan mengenai status susulan melalui AGD dalam LKAN adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 9(8) Akta Audit 1957 [*Akta 62*]. Setakat 30 September 2023, susulan Audit telah dilaksanakan terhadap 58 kajian/pengauditan di jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri Pahang. Liputan susulan terhadap isu Audit yang dilaporkan dalam LKAN tahun 2011 hingga 2021 Siri 2 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**BILANGAN ISU SETAKAT 30 SEPTEMBER 2023**


TAHUN	BILANGAN KAJIAN/PENG AUDITAN (Bilangan Diaudit)	SUSULAN AUDIT (Bilangan Isu Disusul)
2011	-	-
2012	2	5
2013	9	33
2014	10	45
2015	8	38
2016	5	75
2017	6	66
2018	5	47
2019	4	39
2020	3	24
2021	6	30
<b>JUMLAH</b>	<b>58</b>	<b>402</b>

Sumber: Maklumat Dijana Daripada Sistem AGD pada 30 September 2023

Nota: Statistik yang Dipaparkan Adalah Berdasarkan LKAN yang Telah Dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sahaja.


1.6. Setakat 30 September 2023, terdapat 402 isu telah dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2011 hingga 2021 Siri 2 mengenai aktiviti dan pengauditan pematuhan jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Pahang. Sebanyak 378 isu (94%) daripada keseluruhan isu tersebut telah selesai manakala 24 isu (6%) masih Dalam Tindakan oleh jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri Pahang. Ringkasan adalah seperti dalam **Carta 1** dan **Carta 2**.

**CARTA 1**  
**STATUS TINDAKAN ISU LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**  
**TAHUN 2011 HINGGA 2021 SIRI 2 SETAKAT 30 SEPTEMBER 2023**




Sumber: Maklumat Dijana Daripada Sistem AGD pada 30 September 2023

**CARTA 2**  
**STATUS TINDAKAN TERHADAP ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM LKAN**  
**MENGIKUT TAHUN SETAKAT 30 SEPTEMBER 2023**



Sumber: Maklumat Dijana Daripada Sistem AGD pada 30 September 2023

1.7. Setakat 30 September 2023, sejumlah 24 (6%) daripada 402 isu yang masih Dalam Tindakan adalah melibatkan LKAN Tahun 2017 hingga 2021 Siri 2. Bilangan isu Dalam Tindakan yang tertinggi adalah bagi LKAN Tahun 2021 iaitu sebanyak 10 isu. Butiran terperinci dan kedudukan terkini isu yang berstatus Dalam Tindakan mengenai aktiviti dan pengauditran pematuhan jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Pahang boleh diakses melalui sistem AGD menggunakan *QR Code* seperti berikut.



Nota: Maklumat yang dipaparkan semasa imbasan melalui *QR Code* adalah yang terkini.

1.8. Jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri Pahang adalah disyorkan untuk terus komited melaksanakan tindakan penambahbaikan. JAN berperanan untuk menyusul isu yang belum selesai sehingga tindakan korektif dan penambahbaikan yang bersesuaian diambil. Status bagi tindakan tersebut dipaparkan melalui portal AGD.